



**INSTITUT KANSER NEGARA**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**  
**Presint 7**  
**62250 Putrajaya**

**Date :** @PrintDate@  
**Time :** @PrintTime@

### KETERANGAN RAWATAN DAN PERLINDUNGAN SINARAN

Rawatan radioiodin adalah satu kaedah rawatan yang selamat dan berkesan untuk merawat penyakit thyrotoxicosis. Oleh kerana bahan radioisotop radioiodin mengeluarkan sinaran radiasi maka langkah-langkah tertentu berkenaan perlindungan radiasi harus diikuti. Walaubagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan bahawa sebarang dedahan kepada radiasi iodin mengakibatkan sebarang kemudaratan.

#### Rawatan Radioiodin

1. Selepas berjumpa doktor dan pengurusan di kaunter klinik, anda akan diminta pergi ke bilik "Hot Lab" untuk menerima minuman dos radioiodin.
2. Anda dinasihatkan untuk meminum dos tersebut dengan berhati-hati untuk mengelakkan tumpahan radioiodin.

#### Perlindungan Sinaran

##### A

Langkah-langkah (larangan) untuk mengurangkan orang awam daripada dedahan sinaran oleh pesakit:

1. Elakkan dari bersentuhan/ berdekatan dengan kanak-kanak, orang mengandung serta mendukung bayi.
2. Jarakkan diri dengan orang awam, kanak-kanak dan orang mengandung sejauh satu meter (3 kaki).
3. Tidur berasingan.
4. Elakkan dari menghadiri tempat atau majlis di mana terdapat ramai orang.
5. 'Flush' atau curah tandas sebanyak 2-3 kali selepas buang air kecil atau besar.
6. Basuh baju berasingan dari orang awam.
7. Jangan berkongsi minuman dan makanan atau bekas yang belum dicuci.
8. Anda akan diberi cuti sakit untuk jangka waktu yang ditetapkan oleh doktor.

\*Jangka masa larangan - 1 minggu

##### B

Nota pesakit:

*Untuk pesakit perempuan:*

1. Elakkan dari mengandung selama enam bulan dari dos terakhir meminum radioiodin untuk menjamin keselamatan janin anda.
2. Sekiranya anda menyusui bayi, anda perlu berhenti mengikut jangka masa arahan doktor.

*Untuk umum:*

1. Minum banyak air untuk mengurangkan tahap radiasi dalam badan.
2. Ikut arahan doktor berkenaan memakan ubat tiroid seperti berikut

Tarikh	Carbimazole	Propanolol
1		
2		
3		
4		
5		
6		